

03/06/1999

Ford calon sesuai dijadikan rakan niaga

Mutazar Abd Ghani

FORD Motor Company dilihat sebagai calon berpotensi dari Amerika Syarikat untuk menjadi rakan niaga sama ada kepada Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) atau Perusahaan Otomobil Kedua Nasional Sdn Bhd (Perodua) bagi menyediakan `kekuatan tambahan' kepada industri automotif tempatan.

Kemungkinan itu diperkukuhkan dengan pertemuan seorang pegawai kanan Ford dengan wakil Proton ketika melawat kilang pengeluar kereta nasional di Shah Alam, baru-baru ini.

Pengurus Negara Ford bagi Malaysia, Richard Canny, berkata Naib Presiden Operasi Asia Pasifik Ford, Henry Wallace berada di Malaysia minggu lalu.

"Wallace berada di Malaysia minggu lalu bagi meninjau operasi Ford dan pasaran Malaysia.

"Sempena lawatan itu, beliau turut mengadakan pertemuan dengan wakil Proton serta melawat kemudahan mereka," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Canny menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang menyatakan Malaysia berunding dengan beberapa pengeluar automotif Amerika mengenai kemungkinan meningkatkan hubungan bagi memajukan industri automotif tempatan.

"Kami sedang berunding dengan beberapa syarikat automotif dari Amerika untuk memajukan industri tempatan," kata Dr Mahathir ketika melawat kemudahan kilang Toyota Motor Corp di Nagoya, Jepun, kelmarin.

Canny menambah: "Kami berminat dalam semua peluang perniagaan di Malaysia, tetapi kami tidak menyatakan secara khusus mengenai perkara itu, ketika ini."

Mengenai sama ada Proton atau Perodua sudah memulakan rundingan rasmi dengan Ford serta perkara dibincangkan, beliau berkata: "Kami lebih suka tidak membincangkan apa yang mereka rundingan, ketika ini."

Kehadiran Ford di Malaysia adalah menerusi Amim Holdings Sdn Bhd, iaitu usaha sama 30:70 dengan Tractors Malaysia Holdings Bhd.

Amim Holdings adalah pengimport dan pemasang eksklusif pelbagai kereta Ford seperti Lynx dan Telstar, kenderaan pacuan empat roda Splash dan Courier, serta van Econovan dan Transit.

(END)